

Headline	Bantuan tangani situasi sukar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Mar 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	4
ArticleSize	800 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 79,776		

Oleh Kamarulzaidi Kamis, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Mohamed Farid Noh, Safeek Affendy Razali, Muhammad Yusri Muzamir, Mohd Roji Kawi, Farah Marshita Abdul Patah, Luqman Arif Abdul Karim, Nasaruddin Parzi, Alzahrin Alias, Hazwan Faisal Mohamad, Ahmad Suhael Adnan, Ilah Hafiz Aziz, Adnan Ibrahim, Samadi Ahmad, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Bantuan tangani situasi sukar

Pakej PRIHATIN RM250b terbesar dalam sejarah bukti kerajaan ambil berat kebajikan rakyat

Kuala Lumpur: Tindakan drastik demi mendepani situasi sukar, jelas menjadi fokus kerajaan apabila mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) terbesar dalam sejarah membabitkan peruntukan RM250 bilion, semalam.

Nilai pakej PRIHATIN, kira-kira 18 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) itu hampir setara belanjawan tahunan Malaysia, misalnya Belanjawan 2020 yang berjumlah RM297 bilion.

Difahamkan, jika proses merangka belanjawan tahunan negara mengambil masa 10 bulan, namun pakej rangsangan keemasan ini dirangka dalam tempoh kurang seminggu.

Daripada jumlah keseluruhan RM250 bilion itu, RM128 bilion adalah untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion bagi menyokong perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan RM22 bilion untuk memperkuatkan ekonomi negara.

Baki RM20 bilion lagi adalah jumlah yang diumumkan dalam pakej rangsangan yang dibentangkan pada 27 Februari lalu.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang membentangkan pakej itu berkata ia menyediakan bantuan segera untuk meringankan beban yang ditanggung semua lapisan rakyat.

"Sama ada, anda nelayan di Kukup, Johor atau pekebun kecil di Jeli, Kelantan. Anda pengusaha chalet di Cherating atau penarik beca di Melaka, peniaga pasar malam di Kuala Lumpur atau tamu di Kundasang. Anda semua menikmati manfaat daripada pakej rangsangan peduli rakyat ini."

"Tiada golongan yang akan tercicir. *No one will be left behind,*" kata Perdana Menteri.

Muhyiddin menegaskan, pakej PRIHATIN adalah manifestasi kerajaan yang mengambil berat kebajikan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat.

Kerajaan akan membuat sumbangan fiskal langsung RM25 bilion untuk membantu mengu-



Kamarulzaman Ayub bersama ahli keluarga menyaksikan siaran langsung perutusan pakej PRIHATIN di Perumahan KTMB Bangsar, semalam. (Foto Awwali Alias/PH)

rangkan beban rakyat dan perolehi perniagaan dalam mengharungi cabaran ekonomi yang sukar ini.

Strategi dan langkah yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada keupayaan fiskal semasa dan ketersediaan mudah tunai pasaran kewangan domestik yang mencukupi.

Kerajaan akan memastikan akaun semasa fiskal mempunyai lebih dan tidak menggunakan pinjaman untuk membiayai perbelanjaan operasi, manakala ia dilaksanakan secara sekali sahaja atau *one-off* supaya tidak membekalkan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka sederhana.

Pakej PRIHATIN menyaksikan pemberian tunai yang besar kepada golongan B40, dan kali pertama kepada M40, subsidi upah serta langkah merangsang dan membantu perniagaan.

Pakej ini juga akan dijayakan dengan sokongan banyak pihak, termasuk pelbagai agensi kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Sebahagian besar ahli ekonomi dan penganalisis menyifatkan Pakej PRIHATIN ini adalah besar dan komprehensif.

Susulan itu, adalah penting memastikan rakyat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perumahan Awam. Untuk pelajar institusi pengajian tinggi, warga emas, pemandu e-hailing, orang kurang upaya, golongan gelandangan dan orang asal.

Turut dibantu 15 juta kakitangan awam dan 850,000 pesara kerajaan, individu bujang hingga penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam.

Menyadari perniagaan, khususnya PKS yang berjumlah 750,000 adalah tunjang kepada ekonomi, kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan untuk membolehkan mereka kekal ber-

tugas, kementerian dan agensi barisan hadapan yang terbahit dalam mendepani wabak COVID-19.

Untuk itu, kerajaan mengumumkan RM500 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, peruntukan tambahan RM1 bilion bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan memerangi COVID-19, termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubahan daripada perkhidmatan kesihatan swasta.

Turut dihargai pengorbanan kakitangan kesihatan, anggota tentera, polis, imigrasi, Angkatan Pertahanan Awam dan RELA yang terbahit secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Selain prihatin dengan beban rakyat, kerajaan juga menyedari pemberian tunai akan memberi kesan langsung meningkatkan penggunaan swasta dan perniagaan, sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi.

Untuk itu, kerajaan menyediakan Bantuan Prihatin Nasional, iaitu pemberian tunai secara sekali sahaja atau *one-off* dengan peruntukan hampir RM10 bilion.

Ia merangkumi bantuan untuk untuk pelajar institusi pengajian tinggi, warga emas, pemandu e-hailing, orang kurang upaya, golongan gelandangan dan orang asal.

Turut dibantu 15 juta kakitangan awam dan 850,000 pesara kerajaan, individu bujang hingga penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam.

Menyadari perniagaan, khususnya PKS yang berjumlah 750,000 adalah tunjang kepada ekonomi, kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan sokongan untuk membolehkan mereka kekal ber-

tahan dengan meningkatkan aliran tunai, termasuk memperkembangkan program Khidmat Rundingan Majikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 15 April depan.

Perkhidmatan itu merangkumi pilihan penangguhan bayaran, penstrukturan dan penjadualan semula sumbangan majikan yang dijanjikan memberikan penjaminan aliran tunai kepada majikan dianggarkan RM10 bilion, sekaligus memberi manfaat kepada lapan juta pekerja.

Kerajaan juga bersetuju memberikan pengecualian sewaan selama enam bulan untuk semua premis milik Kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria, kedai serbaneka, selain menggesa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan GLC memberi pengecualian sama.

Bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia, kerajaan bersama Tenaga Nasional Bhd menambah peruntukan RM530 juta lagi untuk memberikan diskaun berperingkat antara 15 hingga 50 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan.

Sementara itu, bagi industri telekomunikasi dan multimedia, beberapa pakej khas akan ditawarkan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi, antaranya pakej khas internet percuma kepada semua pelanggan bermula 1 April 2020 sehingga tempoh PKP tamat.

Bagi membolehkan syarikat terus mengekalkan pekerja mereka, kerajaan memperkenalkan Program Subsidi Upah.

"Dalam keadaan sukar ini, saya

tidak mahu lihat pekerja dibuang kerja dan hilang pendapatan.

"Menerusi program ini kerajaan menyediakan upah RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh tiga bulan," katanya dengan syarat majikan mesti memastikan mereka tidak membuang pekerja atau mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji, selain daripada tidak dibenarkan memotong gaji sedia ada pekerja," katanya.

Langkah itu dijangka memanfaatkan 3.3 juta pekerja dengan peruntukan RM5.9 bilion.

Bagi memudahkan orang awam memahami pelbagai bantuan rakyat yang diumumkan, Muhyiddin menggunakan analogi 'Makcik Kiah', penjual goreng pisang yang tinggal di PPR Desa Tun Razak, suaminya seorang pesara kerajaan yang sekarang memandu Grab, manakala anak mereka penjamin Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Dengan pendapatan isi rumah Makcik Kiah di bawah RM4,000 sebulan, namun selepas mendapat pelbagai bantuan melalui pakej PRIHATIN, jumlah keseluruhan nilai manfaat dan penjaminan diterima keluarga Makcik Kiah berjumlah RM7,864.

Ahli Ekonomi, Dr Zulkiply Omar, berkata kesimpulan boleh dibuat daripada pakej rangsangan kali ini adalah ia meliputi penajaan penggunaan swasta dan awam dengan galakan perniagaan berbentuk sampingan.

"Langkah ini memberikan kesan penganda yang baik, lantas menjana pertumbuhan ekonomi. Pelaburan kerajaan pula meningkatkan kapasiti pertumbuhan ekonomi jangka panjang," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, seorang lagi Ahli Ekonomi, Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata sekiranya kerajaan tidak mengadakan pakej rangsangan ini dan terlalu berhati-hati tidak mahu mengambil risiko supaya defisit kerajaan tidak bertambah, kemungkinan keadaan akan menjadi lebih teruk.

"Ini bukan masalah khusus kepada ekonomi sahaja, tetapi ia gabungan beberapa perkara lain iaitu kesihatan dan politik."

"Sebagai negara ekonomi terbuka dengan 131 peratus perdagangan antarabangsa mempengaruhi KDNGK, pasti Malaysia amat terjejas dengannya."

"Kita boleh lihat apa yang berlaku kepada negara ketika kemelesetan melanda negara pada 1986, 1998, 2000 dan 2008. Berapa ramai hilang pekerjaan dan syarikat yang muflis," katanya.